



**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
JALAN PINANG RAJA
32040 SERI MANJUNG
PERAK DARUL RIDZUAN**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221003** yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, kewangan yang kukuh dan stabil serta peralatan dan kenderaan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

NO. SEBUT HARGA	BUTIRAN TAWARAN/ RUJUKAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR BORANG	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
MPM JKPPB SH NO. 45/2018	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Kutipan Dan Pelupusan Sampah Kawasan Zon 1 – Sebahagian Seri Manjung Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan.	221003	4 Oktober 2018 hingga	12 Oktober 2018 jam 12.00 tengahari	RM30.00
MPM JKPPB SH NO. 46/2018	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Kutipan Dan Pelupusan Sampah Kawasan Zon 1 – Lumut Dan Sebahagian Seri Manjung Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan.	221003	12 Oktober 2018		RM30.00

2. Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan dibeli dengan bayaran wang tunai di **Kaunter One Serve, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan** mulai jam **12.00 tengahari 4 Oktober 2018** sehingga **12 Oktober 2018** mengikut waktu berikut:

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER ONE SERVE, MPM	
ISNIN-KHAMIS	8.15 pagi – 1.00 petang	2.15 petang – 4.15 petang
JUMAAT	8.15 pagi – 12.00 tengahari	2.45 petang – 4.15 petang

Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh yang tersebut di atas.

3. Satu taklimat akan diadakan pada tarikh **4 Oktober 2018 jam 10.00 pagi di Tingkat 1, Dewan Anjung Perdana, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, PERAK. Pendaftaran bagi taklimat dan semakan dokumen akan bermula jam 9.00 pagi.** Kehadiran taklimat adalah **diwajibkan** bagi kontraktor yang ingin memasuki sebut harga ini (wakil tidak dibenarkan). Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor **yang hadir** pada sesi taklimat tersebut sahaja. Sila bawa **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan mengikut kod bidang** yang dinyatakan dan **salinan fotostat** bersama **cap syarikat semasa pendaftaran taklimat dan pembelian Dokumen Sebut harga.**
4. Sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dilakukan, kontraktor yang belum mendaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di **Kaunter One Serve, Majlis Perbandaran Manjung** bagi mendapatkan **No. ID Pembekal Majlis Perbandaran Manjung.** Kontraktor dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu sebelum Tarikh Mula Penjualan Dokumen Sebut Harga bagi mengelakkan kelewatan pembelian Dokumen Sebut Harga yang mana dikhuatiri akan menyebabkan kelewatan penghantaran Dokumen Sebut Harga.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 12 Oktober 2018.** Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.
6. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.
7. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Manjung,
Jalan Pinang Raja,
32040 Seri Manjung,
PERAK DARUL RIDZUAN.**